

UMT hasilkan diesel daripada minyak masak

KOSMO 11/08/08 pg. 14

KUALA TERENGGANU - Minyak masak yang digunakan untuk menggoreng ikan boleh menggerakkan enjin kenderaan berat.

Itulah kajian yang telah dimulakan Jabatan Sains Kimia, Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), di sini sejak enam bulan lalu.

Menurut Pensyarah FST, Mohd. Hasmizam Razali, projek biodiesel itu melibatkan kitaran semula minyak masak yang telah diguna pakai kepada minyak diesel.

"Saya telah mengenal pasti penggunaan minyak masak sebagai minyak diesel jauh lebih baik dan ekonomik selain dapat menjaga alam sekitar. Ia juga dapat menjaga komponen-komponen kenderaan seperti enjin agar lebih tahan lama dan telah pun diuji," katanya kepada Kosmo! semalam.

Katanya, walaupun masih di peringkat awal, ciptaan itu telah pun memenangi anugerah gangsa di Pameran Teknologi, Rekaan dan Inovasi Antarabangsa ke-19 di Kuala Lumpur pada Mei lalu.

"Bagi peringkat permulaan kajian, saya hanya menggunakan sukatan yang kecil iaitu lima liter bagi melihat keberkesanannya. Minyak-minyak masak ini diperoleh dari kedai-kedai makan dan orang perseorangan," katanya.

Ujarnya, daripada kajian itu, minyak yang dihasilkan lebih selamat digunakan dan menghasilkan bau seperti minyak gamat.

"Buat masa ini, kami sedang mengujinya untuk digunakan oleh bot-bot nelayan di kawasan perairan Tumpat, Kelantan dan saya percaya kita akan mendapat maklum balas dalam masa dua bulan lagi," katanya.



MOHD. HASMIZAM menunjukkan minyak diesel (kanan) yang diproses daripada minyak masak dalam ujikaji yang dijalankan UMT di Kuala Terengganu semalam.